



**TEKS UCAPAN**

**YANG MULIA MEJAR JENERAL  
PENGIRAN DATO PADUKA SERI  
AMINAN  
BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD**

**PEMERINTAH  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA  
BRUNEI**

**SEMPENA**

**MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS  
PEMERINTAH  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA  
BRUNEI**

**PADA  
HARI SELASA  
13 MUHARRAM 1442 BERSAMAAN  
01 SEPTEMBER 2020**

**DI BOLKIAH GARISON**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Bismillahir Rahmanir Rahim,

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu  
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiyai wal Mursalin,  
Sayidina Muhammadin, Wa'ala Alihi Wasahbihi  
Waman Tabi'ahu Bi'ihساني Ila Yau Middin.

Yang Mulia Mejar Jeneral (Udara) Dato Seri  
Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat dan Datin,

Yang Mulia Pemerintah-pemerintah Angkatan  
Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama  
berserta Datin dan Isteri,

Yang Mulia Ketua Staf Angkatan Bersenjata Diraja  
Brunei, Yang Mulia Ketua Unit Inspektorat,  
Pengaruh-pengaruh, Komandan-komandan,  
(Penasihat/Atase Pertahanan Negara-negara

sahabat), Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, Sarjan Mejar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, PTB-PTB Kanan, PTB-PTB Rendah, para isteri, dan seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang Peramba/Saya hormati dan kasihi sekalian.

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, yang telah mengurniakan kita sebaik-baik nikmat, dan di atas limpah kurnia serta rahmat Nya juga, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi Majlis Serah Terima Tugas Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Terlebih dahulu, Peramba/Saya, dengan rasa rendah diri dan dengan penuh hormat serta takzim, sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di atas kepercayaan dan peluang yang telah dikurniakan kepada Peramba/Saya untuk menerajui Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai Pemerintah yang ke sepuluh dan seterusnya memperkenankan bagi Peramba/Saya mengenakan perkhidmatan 35 tahun pada 08 Disember 2020 nanti, iaitu setelah memegang tampuk pemerintahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selama 02 tahun 07 bulan.

Peramba/Saya juga dengan rasa rendah diri dan dengan penuh hormat serta takzim, sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pg Muda Hj Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan

Perdana Menteri di atas bimbingan dan petunjuk di sepanjang tempoh pemerintahan Peramba/Saya.

Di kesempatan ini juga, Peramba/Saya secara peribadi dan penuh ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof, Menteri Pertahanan Kedua di atas kepercayaan serta bimbingan dan petunjuk yang telah diberikan dalam menerajui Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Alhamdulillah, pada hari ini tibalah masanya bagi Peramba/Saya menyerahkan tampuk kepimpinan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada Pemerintah yang baru. Dari itu, Peramba/Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Mulia Mejar Jeneral (Udara) Dato Seri

Pahlawan Haji Hamzah bin Haji Sahat yang akan menerajui pemerintahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai Pemerintah ke sebelas bermula pada hari ini.

**Hadirin-Hadirat yang Peramba/Saya hormati sekalian,**

Mengimbas kembali 03 tahun kebelakangan semenjak menerajui tampuk kepimpinan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, kita telah mencapai banyak kemajuan dan antara pencapaian-pencapaian yang signifikan adalah:

- Peningkatan **status bolehguna aset-aset ABDB** dalam memastikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa berkeupayaan dalam tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan pada setiap masa,

- Penubuhan ***Budget Management Committee*** **ABDB** yang telah memperbaiki tatacara pengurusan dan pemantauan peruntukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,
- Pembinaan bangunan baru **Pejabat Pengambilan ABDB** yang telah meningkatkan imej Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di kalangan orang awam,
- Penubuhan **Pusat PRIHATIN ABDB** yang bertujuan untuk memastikan kebajikan anggota-anggota ABDB dan keluarga adalah sentiasa terjamin, serta
- Peningkatan kemampuan operasi dari segi ***Intelligence, Surveillance and Reconnaissance (ISR)*** di ABDB sebagai satu langkah perkembangan ke arah *Fourth Industrial*

*Revolution* yang akan meningkatkan peranan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam pelaksanaan rondaan sempadan dan maritim.

## **Para Warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,**

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjangkau usia 60 tahun pada tahun hadapan, dan telah mengharungi usia 59 tahun ini dengan penuh kemampuan dan jayanya. Setentunya, ABDB telah mengalami pelbagai perubahan dan perkembangan, selaras dengan visi dan misi organisasi dalam memastikan ABDB sentiasa mengadaptasi kepada perubahan persekitaran dan kekal relevan dalam suasana operasi yang semakin kompleks. Insyaa Allah, dengan penerbitan Kertas Putih Pertahanan yang baru pada tahun depan, ABDB akan mendapat panduan strategik yang lebih jelas dan hala tuju perkembangan keupayaan, teknologi dan struktur



ABDB di era globalisasi ini, sejajar dengan perubahan sekuriti dan ancaman kontemporari masa kini.

Selaras dengan perkembangan ini, pengukuhan kerjasama dua hala dan berbagai hala harus sentiasa dijaga dan dipertingkatkan. Dalam kesempatan ini, Peramba/Saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan, bantuan, dan kerjasama daripada Negara-negara sahabat dalam perkembangan ABDB, dan berharap agar hubungan pertahanan bersama Negara-negara sahabat akan terus dikekalkan bagi sama-sama menjaga keamanan dan mempertahankan keselamatan serantau dan global.

**Kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata  
Diraja Brunei yang Peramba/Saya hormati,**

Peramba/Saya ingin meninggalkan nasihat perpisahan kepada semua untuk sentiasa bekerjasama dan mengamalkan SEPADU, iaitu aspek-aspek Sekuriti, *Efficiency* atau Kecekapan, Piawaian, Agama, Disiplin serta Keupayaan Aset dan Anggota demi menjaga maruah dan kemajuan ABDB serta kearah merealisasikan misi dan visi di samping mendokong Wawasan Negara 2035. Setiap anggota ABDB memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejujuran, keikhlasan dan disiplin yang tinggi bagi memelihara kepercayaan Negara terhadap kita sebagai penjaga kedaulatan Negara.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, Peramba/ Saya bersyukur dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di atas sokongan padu, kerjasama, sumbangan dan dedikasi yang telah diberikan kepada Peramba/Saya bukan sahaja sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, akan tetapi di sepanjang perkhidmatan Peramba/Saya.

Peramba/Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan bagi pihak isteri Peramba/Saya kepada para isteri yang telah memberikan sokongan dan kerjasama untuk menjayakan Persatuan Badan Kebajikan Isteri-Isteri ABDB (BAKTI) semasa isteri Peramba/Saya menjadi Yang Dipertua BAKTI.

Akhir kata, Peramba/Saya dan keluarga mendoakan semoga seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta keluarga akan sentiasa dikurniakan nikmat kesihatan, kebahagiaan dan kejayaan yang berpanjangan dan semoga sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'la jua. **Peramba/Saya berdoa agar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus melangkah ke hadapan dengan berani dan bersemangat kearah memartabatkan Pertahanan Negara, Bersatu padu menjalankan tugas demi kedaulatan Negara Brunei Darussalam. Amin Ya Rabbal Alamin.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh